

Januari 5, 2025

Tentu kamu telah mendengar, bahwaaku diberi tugas melaksanakan kasih kurnia Tuhan untukmu. Melalui wahyu, Tuhan telah memberitahuku rahsia itu sebagaimana sudah kutuliskan secara ringkas.

Pada zaman-zaman silam, rahsia itu tidak diberitahu kepada anak manusia, sebagaimana sekarang telah dinyatakan oleh Roh kepada para rasul dan para nabi-Nya yang suci ...

Efesus 3: 2-3,5

www.heraldmalaysia.com

Semoga kita menjadi penziarah harapan, keamanan dan kesatuhan



Pesan *Urbi et Orbi* Sri Paus Fransiskus

KOTA VATIKAN: Pada pagi Krismas, Sri Paus Fransiskus menyampaikan ucapan Krismas lazimnya dari balkoni Basilika Sto Petrus di hadapan orang ramai di dataran dan secara langsung kepada orang ramai yang menonton di seluruh dunia melalui media. Prelatus itu menyampaikan berkat “*Urbi et Orbi*” (kepada kota Roma dan dunia) seperti yang dilakukannya pada hari Minggu Paskah.

Pelancaran tahun Jubli 2025 diraikan dalam suasana Krismas dan dalam tema “Harapan” semasa Sri Paus membuka Pintu Suci Basilika Sto Petrus pada malam Disember 24, 2024.

“Hati Tuhan sentiasa terbuka untuk kita,” ujar Bapa Suci memulakan pesan Krismasnya dengan menjelaskan bahawa kegembiraan yang kita raikan pada hari ini datang dari peristiwa yang berlaku dua ribu tahun yang lalu — kelahiran Tuhan Yesus, Firman keselamatan yang kekal dan berterusan bersabda kepada setiap umat lelaki dan wanita, “Aku mengasihi engkau, Aku memaafkan engkau; kembalilah kepadaku, Pintu hati-Ku sentiasa terbuka!”

Pintu Suci penyelamat untuk semua
Bapa Suci menekankan bahawa “Pintu hati Tuhan sentiasa terbuka dan menyeru kita untuk kembali kepada hati-Nya, yang sentiasa mengasihi dan mengampuni kita serta membolehkan kita didamaikan dengan Dia.”

Pintu-pintu Suci di empat basilika utama Vatikan dan sebuah Pintu Suci di pusat tahanan adalah “mewakili Yesus Sang Gembala Baik.”

Pintu-pintu keselamatan itu terbuka untuk

semua. Pada Pintu keselamatan itu, Yesuslah yang menanti kita dengan tangan terbuka.”

“Saudara-saudari, jangan takut! Pintu Tuhan tidak pernah tertutup malah terbuka luas! Marilah kita berdamai dengan Tuhan, berdamai dengan diri kita serta sesama khususnya dengan musuh-musuh kita.

“Dengan rahmat Tuhan, tidak ada yang mustahil. Dia membuka setiap simpulan; Dia meruntuhkan setiap tembok yang memisahkan; Dia melenyapkan kebencian dan dendam. Marilah, datanglah! Yesus adalah Pintu Damai.”

Keberanian melintasi ambang Pintu Suci
Sri Paus mengakui setiap kali melintasi ambang Pintu Suci, ia memerlukan keberanian kerana kita perlu mengorbankan gaya hidup dan pemikiran lama kita, meninggalkan semua pertikaian serta menyerahkan diri kita kepada kasih Tuhan.

“Sempena permulaan Tahun Jubli, saya menjemput setiap individu, semua orang dan negara, untuk mencari keberanian yang diperlukan bagi berjalan melalui Pintu itu, untuk menjadi penziarah harapan, untuk melenyapkan bunyi senjata dan mengatasi perpecahan!”

Bapa Suci berdoa agar bunyi senjata dapat disenyapkan di Ukraine yang dilanda perang dan menggesa untuk kekuatan dan keterbuakaan kepada rundingan dan dialog bagi keamanan yang adil dan berkekalan.

Uskup Roma itu juga berdoa agar perang di Timur Tengah dapat diakhiri, mengingati Palungan Bethlehem dan komuniti Kristian di Israel serta Palestine.

Sri Paus berdoa terutamanya untuk Gaza, di mana keadaan kemanusiaan teruk. “Semoga ada gencatan senjata, semoga tebusan dibebaskan dan bantuan diberikan kepada rakyat yang letih akibat kelaparan dan peperangan.”

Sangti Papa Fransiskus juga menyatakan

kedekatannya dengan masyarakat Kristian di Lubnan dan di Syria pada masa peralihan kuasa ini. Beliau berdoa “pintu dialog dan keamanan dibuka di seluruh rantau tersebut, yang musnah akibat konflik dan menggalakkan rakyat Libya, bekerja untuk perdamaian nasional.”

Bantuan kemanusiaan bagi yang menderita

Sri Paus mendoakan agar kelahiran Juruselamat memberi harapan kepada ribuan kanak-kanak yang menderita wabak campak di Republik Demokratik Congo, Burkina Faso, Mali, Nigeria dan Mozambique.

Katanya krisis kemanusiaan ini disebabkan oleh perbuatan manusia: konflik bersenjata, bencana keganasan dan diburukkan lagi oleh perubahan iklim, memaksa berjuta-juta orang berpindah serta menyebabkan ramai orang dalam risiko maut.

Sri Paus juga mengingati orang-orang di Tanduk Afrika, “Semoga mereka dihadiahkan dengan keamanan, kerukunan dan persaudaraan.” Begitu juga dengan rakyat Sudan, semoga bantuan kemanusiaan yang sangat diperlukan, dapat sampai kepada mereka dan rundingan gencatan senjata dapat dijayakan.

Semoga Krismas membawa penghiburan kepada rakyat Myanmar, di mana konflik yang berterusan telah menimbulkan penderitaan yang besar dan menyebabkan ramai orang kehilangan tempat tinggal.

Mengingati Amerika, Bapa Suci menggalakkan pihak berkuasa politik dan orang yang berniat baik agar bekerjasama untuk mengatasi perpecahan dengan keadilan dan kebenaran.

Bapa Suci turut mendoakan bagi Haiti, Venezuela, Colombia dan Nicaragua.

Sri Paus Fransiskus tidak lupa akan penduduk

pulau Cyprus, yang kini sudah lima puluh tahun menjadi pulau yang terbahagi, berdoa agar tembok pemisah dapat diruntuhkan dan penyelesaian yang dipersetujui bersama dapat dicapai dengan menghormati hak dan maruah semua masyarakat.

Yesus menanti kita

“Yesus, Firman Tuhan yang kekal dan menjelma sebagai manusia, adalah Pintu yang terbuka luas, Dia menjemput kita untuk memasuki Pintu itu, untuk menemui semula makna kewujudan kita dan menghargai kesucian semua kehidupan dan untuk memulihkan nilai asas keluarga manusia.”

Bapa Suci menekankan Yesus menanti kita di ambang pintu, “terutama yang paling lemah seperti kanak-kanak yang menderita akibat perang dan kelaparan, orang tua terbiar dan bersendirian.”

Dia menggambarkan bagaimana Tuhan menanti mereka yang kehilangan tempat tinggal, yang melarikan diri dari tanah air demi keselamatan, kehilangan pekerjaan, para banduan dan orang-orang yang menanggung penganiayaan kerana iman mereka, dapat dihiburkan dalam pelukan-Nya.

Ampunilah hutang kami

Pada akhir pesannya, Sri Paus berdoa agar Tahun Jubli 2025 memberi peluang untuk mengampuni hutang, terutamanya hutang negara-negara termiskin.

“Kita dipanggil untuk mengampuni orang lain, kerana ‘Anak Tuhan, yang dilahirkan dalam kesejukan dan kegelapan malam, telah mengampuni diri kita.’

“Sebagai penziarah harapan, marilah kita keluar menemui-Nya! Marilah kita membuka pintu hati kita bagi-Nya, sebagaimana Dia telah membuka pintu hati-Nya kepada kita.” **Media Vatikan**

Penziarah dalam perjalanan iman

Saudara-saudari yang dikasih dalam Kristus,

Dalam kita menyambut tahun 2025 dengan gembira, saya menyampaikan berkat yang tulus kepada anda dan orang yang anda sayangi. Tahun ini bukan hanya satu tahun lagi dalam kalender; ia merupakan satu peristiwa penting dalam perjalanan iman kita semasa kita memulakan Tahun Jubli, yang bertemakan "Penziarah Harapan."

"Dalam semangat pembaharuan dan harapan, kita berkumpul untuk menerima anugerah masa rahmat ini, untuk menegaskan komitmen kita untuk menjadi komuniti yang beriman, harapan dan cinta di tengah-tengah dunia yang sering dikelilingi oleh cabaran."

Mungkin terdapat kerumitan dan kesukaran yang dialami pada tahun 2024, yang telah menguji semangat kita. Ramai dalam kalangan kita telah menghadapi kesusahan, kehilangan dan ujian yang menyebabkan kita mempersoalkan jalan kita.

Tetapi saya menyeru anda sahabat-sahabat terkasih, untuk mengingati bahawa kita adalah orang yang tabah. Sebagai penziarah, kita berjalan bersama-disatukan oleh iman kita, diberi kuasa oleh harapan kita, dan digalakkan oleh janji Kristus. Kitab Suci mengingatkan kita, "Harapan tidak mengecewakan kita" (Roma 5:5, AVB).

Walaupun pada saat-saat kegelapan, ada cahaya yang bersinar—bintang penuntun kita, Yesus Kristus. Sebagai orang Kristian, kita dipanggil untuk menjadi penziarah dalam perjalanan iman—perjalanan yang tidak selalu mengikut jalan yang lancar malah sering kali penuh dengan kesukaran.

Ramai di antara kita mungkin bergelut dengan keraguan, ketakutan, dan ketidakpastian, tetapi dalam perjuangan ini, kita diingatkan akan kehadiran Tuhan yang tidak berbelah bahagi dalam hidup kita. Dia berjalan di samping kita, membimbing kita melalui kegelapan dan ke dalam terang.

Inti pati menjadi seorang penziarah bermakna mengakui bahawa kita sentiasa bergerak, sentiasa mencari kesefahaman,

Pesan Tahun Baharu 2025 Uskup Agung Kuala Lumpur

cinta, dan perhubungan yang lebih besar dengan Pencipta kita.

Tahun Jubli ini menawarkan kita peluang yang unik untuk memperdalam iman kita dan komited semula kepada kehidupan berdoa, bertaubat, dan mengalu-alukan.

Saya menggalakkan setiap daripada anda untuk menggunakan masa ini sebagai perjalanan suci—sebuah ziarah yang menjemput kita ke dalam hubungan yang lebih mendalam dengan Tuhan dan antara satu sama lain.

Ziarah kita akan membawa kita ke pusat ziarah tempatan dan di pusat ziarah lain, bukan sahaja di dalam Keuskupan Agung Kuala Lumpur yang dikasih tetapi juga di seluruh keuskupan jiran kita.

Marilah kita melawat tempat-tempat suci ini, di mana orang beriman telah menemui Tuhan dan di mana kita boleh menghidupkan semula semangat kita semasa kita mengambil bahagian dalam kekayaan doa dan devosi masyarakat.

Dengan lawatan kita ke tapak ziarah, kita bukan sekadar melancang sebaliknya, kita adalah pencari rohani yang ingin bertemu Tuhan dengan cara yang baharu. Benarkan tapak suci ini memberi inspirasi kepada anda, lebih-lebih lagi ketika kita bertemu dengan mereka yang perjalannya berbeza namun berkait rapat dengan perjuangan harapan kita sendiri.

Marilah kita berkumpul bersama untuk merenungkan iman kita bersama, sambil mengingati kata-kata Sto Paulus, "Kami tahu bahawa Dia yang telah membangkitkan Yesus, Tuhan kita, akan membangkit-



kan kami juga bersama Yesus, lalu menghadapkan kami bersama kamu kepada-Nya" (2 Korintus 4:14, AVB).

Ini adalah masa untuk menyerahkan beban kita melalui doa. Saya menjemput anda untuk mendedikasikan bulan-bulan yang akan datang ini kepada tindakan suci doa, senjata ampuh yang kita gunakan untuk melawan kesukaran.

Dalam doa, kita diingatkan tentang sokongan yang kita dapat antara satu sama lain, kasih yang dicurahkan kepada kita daripada Tuhan dan kekuatan yang terbina dalam hati kita.

Marilah kita berdoa untuk satu sama lain, menguatkan satu sama lain dalam perjuangan kita dan hulurkan tangan kita dalam amal kepada mereka yang memerlukan, kerana dengan memberilah kita benar-benar menerima.

Tahun Jubli juga memerlukan sikap bertaubat dan pendamaian. Kita mesti melihat ke dalam diri kita dengan jujur, mengakui ketidak sempurnaan yang kita miliki. Tetapi janganlah kita dibebani oleh rasa bersalah; sebaliknya, biarkan tindakan pertaubatan menjadi jemputan untuk memperbaikir komitmen kita kepada Kristus dan kepada satu sama lain.

Dalam masa renungan ini, saya menyampaikan jemputan hangat kepada mereka yang telah menjauhi Gereja — ketahuilah bahawa tangan kami terbuka luas untuk menyambut anda kembali ke dalam komuniti. Tidak akan ada penghakiman, hanya cinta, persefahaman dan keinginan untuk menempuh perjalanan

ini bersama sekali lagi.

Semasa kita meraikan tahun baharu ini, semoga anda mendapat keberanian untuk kembali dan mengalami kemesraan yang merangkul komuniti kami.

Di samping aspek ziarah, doa dan pendamaian, biarlah tahun ini juga menjadi musim melayani —menjangkau mereka yang menderita, terpinggir, kesepian, dan kehilangan.

Sebagai komuniti umat beriman, kita dipanggil untuk menjadi tangan dan kaki Kristus di dunia.

Semoga tindakan kebaikan dan belas kasihan kita menjadi saksi iman dan harapan bagi mereka yang merasa ditinggalkan atau tidak didengari. Bersama-sama, biarkan cinta kita melimpah ke dalam komuniti di mana kita tinggal, menyalakan harapan di tempat di mana kegelapan mungkin berlarutan.

Dalam perjumpaan kita, semoga kata-kata kedamaian kita bergema di kawasan kejiranan kita dan semoga tindakan kebaikan kita menjadi bukti kepada harapan yang kita hargai.

Kita dipanggil untuk menjadi pembawa terang itu, peringatan yang menyentuh hati bahawa, walaupun dalam ketidakpastian, iman tetap teguh dan harapan kekal. Semasa kita memulakan ziarah harapan ini, marilah kita berjalan berganding bahu, sentiasa mengingati panggilan kita untuk mengasihi dan melayani.

Semoga kita membuka hati kita kepada segudang rahmat yang ada pada tahun ini, memupuk semangat kegembiraan, kesetiaan, dan harapan yang tidak berbelah bahagi. Bersama-sama, sebagai komuniti penziarah yang bersemangat, marilah kita bergembira dengan nikmat yang Tuhan berikan untuk kita. Semoga Tuhan memberkati anda dengan melimpah ruah di Tahun Jubli ini.

Selamat Tahun Baharu!

*Yang Amat Mulia Julian Leow Beng Kim
Uskup Agung Kuala Lumpur*

Kemuliaan Tuhan terbit atas mu

Hari ini kita merayakan Hari Raya Penampakan Tuhan (*Epiphania Domini*). Penampakan atau penampilan diri setiap orang, direncanakan atau tidak, sangat penting.

Penampilan orang pertama di hadapan umum menentukan sikap atau tanggapan mereka terhadap dirinya.

Hari ini kita diajak menyambut Yesus, Penyelamat kita, yang menampakkan diri di Betlehem, yang pada masa ini, di mana-mana Dia digambarkan terbaring di sebuah palungan di gua atau palungan sederhana.

Cara memperkenalkan diri atau tampil di hadapan umum adalah berbeza-beza. Cara yang paling polos, autentik, dan sungguh nyata seperti apa yang berlaku semasa kelahiran bayi normal. Itulah yang dilakukan Yesus.

Sangat penting bagi kita, yang merayakan penampakan Tuhan menyedari bahawa ternyata jalan yang ditempuh oleh Tuhan, yang menjadi manusia adalah sangat biasa, tidak menunjuk-nunjuk, tanpa sorakan!

Pater J.M.H. Nouwen menulis petikan ini: "Saya ingin menulis bagi anda

mengenai kasih Tuhan, yang menjadi nyata dalam Yesus.

Bagaimana kasih itu dinyatakan melalui Yesus? Kasih itu menjadi nyata melalui "jalan turun" cara Tuhan. Inilah rahsia agung inkarnasi. Tuhan telah turun kepada kita manusia agar dapat menjadi manusia bersama kita. Dan sebagai seorang daripada antara kita, Dia merendahkan diri menjadi orang yang dihukum mati.

Memang sukar untuk memahami jalan turun Yesus ini."

Meneliti isi renungan tentang "jalan turun" dalam Injil Matius hari ini, kita dapat menyimpulkan tiga jenis sikap Juruselamat kita:

Sikap pertama: "Orang-Orang Majus", orang-orang asing terkemuka dari Timur, adalah kumpulan orang yang baik hati, berbudi pekerti, bijak dan peka terhadap tanda di langit tentang kedatangan Penebus. Mereka rela meninggalkan keluarga, harta, pekerjaan dan berani mengambil risiko mencari bayi Penyelamat di negara asing.

Sikap kedua: Di negeri Yahudi sendiri Raja Herodes dan penduduknya terkejut

mendengar berita kelahiran Mesias.

Dalam diri Herodes mewakili sikap peribadi manusia yang egois. Sebagai raja dia berasa terancam dan takut kehilangan kedudukannya.

Dia menganggap Bayi Yesus adalah lawan dan musuhnya. Malah para imam dan ahli Taurat Yahudi yang bijak tentang Kitab Suci dan tahu bahawa Mesias akan lahir di Betlehem tetapi hati mereka beku, mereka tidak mencari kebenaran akan kedatangan Mesias itu. Mereka tidak ambil pusing. Sikap ini menunjukkan mental masyarakat tidak berubah apa pun meskipun belajar agama hingga ke tahap tertinggi!

Ketiga: Kumpulan ketiga terdiri dari orang-orang sederhana, yang jujur, tulus dan murni misalnya penduduk kota yang terabai: gembala-gembala.

Mereka ini orang-orang yang saling terbuka, saling berbagi sama ada dalam kesukaan mahupun kedukaan, dalam kelebihan atau kekurangan. Orang-orang inilah yang mampu membaca tanda dari langit.

Ketiga-tiga sikap yang ditulis tadi dapat kita anggap sebagai alat pengur

**HARI RAYA
PENAMPAKAN
TUHAN (C)**
YESAYA 60:1-6
EFESUS 3:2-3,5-6
INJIL MATIUS 2:1-12

ketaatan iman atau kesejadian peribadi kita masing-masing.

Tuhan menampakkan diri kepada kita manusia dengan menempuh jalan Turun. Tuhan sudi menjadi manusia seperti kita.

Dia yang agung sanggup menjadi 'kecil'. Dia yang menguasai segalanya sanggup menjadi miskin, Dia Raja semesta alam tetapi rela menjadi bayi kecil di Betlehem.

Yang mana satukah sikap kita? Sikap para majus dari Timur? Sikap Herodes atau ahli Taurat? Atau adakah sikap gembala-gembala di padang rumput?

Marilah kita menyambut penampakan Yesus Kristus Tuhan kita dengan hati terbuka dan rendah hati dan bersujud menyembah Dia. Msgr F.X Hadisumarta O.Carm

Pelayanan LSKK, bawa kanak-kanak datang kepada Yesus



KENINGAU: Uskup Cornelius Piong menegaskan bahawa Pelayan Liturgi Sabda Kanak-kanak (LSKK) mempunyai peranan penting kerana melalui bimbingan mereka, kerohanian kanak-kanak dapat dipersiapkan untuk menjadi ahli Gereja yang baik.

Kata-kata ini disampaikan oleh prelatus itu semasa menyampaikan homili semasa Misa Kudus Rekoleksi Tahunan LSKK pada Disember 14, di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal.

"Kanak-kanak yang mempunyai asas rohani yang teguh akan menjadikan mereka mampu menghadapi cabaran kehidupan dalam proses pembesaran mereka lebih-lebih lagi mereka adalah harapan untuk memimpin Gereja dan Keuskupan kita kelak," kata Uskup Cornelius.

Bapa Uskup Cornelius juga berpesan kepada 434 pembimbing LSKK yang hadir bahawa mereka harus melayani dalam kesatuan kerana ia dapat membantu para pembimbing LSKK untuk bertahan dalam pelayanan yang semakin mencabar pada masa kini.

"Saban tahun dinamik

pelayanan semakin mencabar, oleh sebab itu melayani dalam semangat kesatuan adalah sangat digalakkan.

"Tambah pula, kesatuan dapat menjadi kesaksian konkret kepada kanak-kanak yang dibimbing oleh anda semua," kata Uskup Cornelius pada akhir homilinya.

Pada rekoleksi ini, Msgr Gilbert Lasius iaitu Pembimbing Rohani Komisi Liturgi Keuskupan Keningau turut menyampaikan sesi.

Antara isi penting yang disampaikan oleh Msgr Gilbert ialah bagaimana menghadapi pelbagai cabaran dalam pelayanan LSKK.

Katanya, "Pada ketika ini, para pembimbing LSKK juga mungkin terlibat dua atau tiga pelayanan lain dalam Gereja.

"Walau apa pun pelayanan kita, para pembimbing LSKK harus memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dapat menyalurkan rahmat Tuhan kepada sesama iaitu pelayanan Sabda, Sakramen, doa dan Gereja," pesan Msgr Gilbert.

Semasa Misa penutup rekoleksi, para pembimbing LSKK memperbaharui Janji Komitmen mereka untuk terus melayani demi kemuliaan Tuhan. Juanis Markus



Dengan Harapan, kita telah diselamatkan

KINUTA: Lebih 2,000 orang penziarah, berjalan kaki dari tiga penjuru dan menaiki bot menuju Dataran Sto Pio yang terletak di perkarangan St Patrick, Kinuta dalam acara Ziarah Pengharapan, para Disember 14, 2024.

Menurut paderi paroki Holy Rosary Limbahau dan St Joseph Papar, Msgr Nicholas Stephen, Ziarah Pengharapan itu diadakan sebagai persiapan menyambut hari Natal 2024 dan Tahun Jubli 2025 yang bertema, "Penziarah Harapan" seperti yang diwartakan oleh Sri Paus Fransiskus.

Ziarah itu juga mengajak umat untuk menghidupkan semula semangat misionari lebih-lebih lagi St Patrick Kinuta merupakan antara mission Katolik yang terawal di Borneo.

Selepas semua penziarah tiba di Dataran Sto Pio, Misa Kudus

diadakan di Dataran Sto Pio yang dipimpin oleh Msgr Nicholas, Fr Joshua Liew dan Fr Lasius Gantis.

Dalam Misa yang jatuh pada Hari Peringatan Sto Yohanes dari Salib, Msgr Nicholas memperkenalkan Sto Yohanes dari Salib, seorang doktor Gereja yang bersama Sta Teresa dari Avila, telah memperbaharui Ordo Karmelit.

Msgr Nicholas juga menyebut Sto Pio, seorang lagi orang kudus terkenal dalam Gereja kerana beliau merupakan Santo yang dikaruniakan stigmata.

Sto Pio mengingatkan kita bahawa kita tidak bersendirian dalam menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran kerana Yesus sentiasa hadir.

Dalam homilinya, Msgr Nicholas juga menjelaskan mengenai lambang-lambang dalam Logo Tahun Jubli 2025. Antaranya ialah

empat figura yang saling memeluk satu sama lain sebagai tanda perpaduan dan persaudaraan.

Figura pertama berpaut pada Salib di mana pada dasar Salib itu terdapat ombak bergelora. Ini menunjukkan bahawa ziarah kehidupan tidak selalunya tenang tetapi dengan berpaut kepada Salib, ia menjadi sauh kuat yang mengawal pergerakan hidup kita.

Msgr Nicholas juga mengingatkan para penziarah bahawa "Kita adalah penziarah kerana kita telah dipanggil untuk mengasihi Tuhan dan untuk mengasihi satu sama lain".

Rasul Paulus memberitahu kita bahawa, "dengan harapan kita telah diselamatkan" (Roma 8:24, AVB). Kita adalah penziarah harapan kerana kita terus maju ke hadapan, ke arah masa depan yang lebih baik, komited pada setiap langkah.

Seorang putera damai telah diberikan untuk kita

KUALA LUMPUR: Gereja Holy Redeemer Klang telah mengadakan Rekoleksi Adven pada Disember 14, 2024.

Ketua Umat Berbahasa Malaysia iaitu Sdri Penny Paluk telah menjemput penceramah yang sangat istimewa iaitu Fr Valentine Gompok dari Gereja St Francis of Assisi, Cheras.

Fr Valentine yang berasal dari Sabah telah menyampaikan sesi yang memberi peserta semangat

untuk mempelajari tentang "Mengapakah Adven merupakan hari yang sangat istimewa kepada seluruh umat Katolik di Malaysia

dan juga di seluruh dunia?"

Rekoleksi Adven ini juga memfokuskan tentang keunggulan Santa Perawan Maria yang

menyerahkan dirinya kepada Tuhan dan sifat keibunya yang sangat prihatin kepada keperluan mereka yang memerlukan

misalnya mengunjungi Elisabet yang sedang hamil pada usia tua.

Para peserta diinspirasikan dengan teladan-teladan murni, devosi serta doa-doa kepada Bonda Maria agar semakin akrab dengan Yesus.

Pada akhir Rekoleksi Adven itu, para peserta semakin menyedari bahawa sebagai hamba Tuhan, kita perlu untuk sentiasa sentiasa taat kepada firman-Nya, merendah hati dan mengasihi sesama seperti Tuhan mengasihi kita.



Pendevosi Kerahiman Ilahi berhimpun sempena retret tahunan

TATAL, Keningau: Pembimbing rohani Kerasulan Devosi Kerahiman Ilahi, Fr Bede Morti berbangga kerana kerasulan itu memiliki ramai pendevosi Kerahiman Ilahi dalam kalangan

belia. Hal ini diungkapkan oleh paderi itu semasa rekoleksi tahunan Kerasulan Devosi Kerahiman Ilahi peringkat Keuskupan Keningau pada Disember 13-15

lalu di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal.

Lebih 400 pendevosi Kerahiman Ilahi menyertai rekoleksi yang diisi dengan tayangan filem "St Faustina Love and Mercy",

perkongsian iman, meditasi dengan alam, Adorasi kepada Sakramen Mahakudus, Sakramen Pengakuan dan Misa Kudus.

Fr Bede Morti Lamutan, pembimbing rohani bagi KDKI semasa menyampaikan homili semasa Misa penutup mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada semua ahli KDKI yang menyertai rekoleksi tersebut.

"Kerahiman atau belas kasihan Tuhan adalah rahmat yang membolehkan kita berdamai dengan Tuhan. Belas kasihan Tuhan ini kita boleh rasai terutamanya semasa melakukan Sakramen Pengakuan.

Oleh sebab itu, Fr Bede menyeru para peserta agar melakukan Pengakuan apabila ada kesempatan khususnya pada musim Adven, Pra-Paskah atau semasa perayaan-perayaan besar Gereja.


Semasa Misa Penutup rekoleksi tersebut turut diadakan pelancaran logo rasmi Kerasulan Devosi Kerahiman Ilahi bagi Keuskupan Keningau.

"Logo ini ialah hasil nukilan para belia sekali gus menunjukkan ramai belia terpanggil untuk menjadi seorang pendoa Kerahiman Ilahi. Ini membuatkan saya sangat bersyukur dan gembira," kata Fr Bede. Juanis Markus



Sahabat Kecil Yesus

Bantu para majus merentasi padang gurun untuk ke Betlehem. Elakkan halangan seperti batu dan binatang berbisa.



Tuliskan doa
“Kemuliaan” pada
gambar pokok
Natal.

Apakah yang dilakukan oleh para majus setelah menemui Bayi Yesus?

Isi tempat kosong mengikut huruf yang betul.

Mereka

U S U D J

dan


M N Y E E M A H B
DIA (Mat 2:11)

Gunting gambar pada Bahagian B dan lekatkan ia pada ruangan yang betul pada gambar Bahagian A. Permainan ini lebih seronok jika adik-adik bermain dengan rakan atau keluarga.

(BAHAGIAN A)



(BAHAGIAN B)



Hello adik-adik,

Apa khabar? Ketika Yesus lahir, orang-orang Majus dari Timur mencari-cari Dia.

Mereka melihat bintang-Nya di Timur dan bertanya kepada sesiapa sahaja, di manakah raja yang baharu dilahirkan itu?

Perhatikan bahawa orang-orang Majus ini dibimbing oleh bintang Timur yang mendahului mereka.

Bintang itu kemudian berhenti di sebuah tempat di mana Bayi Yesus berada.

Adik-adik, dalam kehidupan kita, kita juga mempunyai “bintang Timur” yang memimpin kita kepada Yesus.

Ya, “bintang Timur” itu ialah Kitab Suci, Ekaristi dan Sakramen-sakramen, yang pasti akan membawa kita sentiasa dekat dengan Yesus.

Adik-adik, semoga pada tahun baharu 2025 ini, adik-adik semakin rajin berdoa, membaca Kitab Suci dan semakin mencintai Ekaristi. Amin.

Auntie Melly

BELIA

KUMPULAN KAROL MEMPERSIAP JALAN BAGI TUHAN

TELUPID: Kumpulan karol dari lima Zon iaitu Zon Padre Pio, St Roderick, St Thomas, St Susanna dan St Nicholas berhimpun di Gereja St. Martin untuk menghadiri rekoleksi yang bertema, "Bertobatlah, persiapkanlah jalan bagi Tuhan" (Lukas 3:1-6) pada Disember 8, 2024.

Rekoleksi dan pengutusan karoling itu bermula pada pukul 3.00. Seramai 227 peserta telah menghadirinya.

Objektif rekoleksi ini ialah untuk mempersiapkan para

karol bagi menyampaikan berita kedatangan Yesus Kristus ke dunia melalui nyanyian lagu-lagu Adven.

Paderi paroki Telupid, Fr Christopher Ireneus berpesan kepada para karol agar mereka sentiasa memusatkan perhatian mereka membahagikan kegembiraan dan sukacita kerana kelahiran Yesus di Bethlehem, sekali gus juga mewartakan dan merayakan kelahiran Yesus sebagai Sang Penyelamat.

Javy Jimmy



LAHAD DATU: Pelayan altar merupakan antara petugas liturgi yang memegang peranan besar dalam membantu kelancaran perayaan Ekaristi.

Bagi memperbaharui semangat dan kesungguhan pelayanan para pelayan altar, Gereja St Dominic telah mengajukan rekoleksi pelayan altar pada Disember 7, 2024.

Seramai 99 pelayan altar dari paroki pusat dan stasi luar telah menyertai rekoleksi yang dikenalpasti oleh Diakon Ricki Boy Hasim.

Diakon Riki menyampaikan dan menerangkan perjalanan liturgi dan tata cara Misa Kudus.

Calon paderi itu juga menyampaikan kisah hebat hidup Santo Tarsisius, santo pelindung para pelayan altar.

Sto Tarsisius ialah seorang martir muda yang mempertahankan Ekaristi Suci dan juga pelindung para belia.

Kisah hidupnya tersebar di seluruh Gereja sejagat kerana pengorbanannya dalam melindungi



Hari Belia Miri bertema "Sukacita dalam Harapan" dihadiri hampir 400 orang belia.

Kaum muda harus selalu mencari Tuhan

MIRI: Paroki Holy Family di Lapok menjadi tuan rumah dan pengajur Hari Belia Miri (MYD) 2024, baru-baru ini.

Dengan tema "Sukacita Dalam Harapan" (Yesaya 40:31) seramai 358 belia telah menghadiri acara yang dirasmikan oleh Uskup Misi, Richard Ng.

Semasa Misa pembukaan, Uskup Richard menyatakan kegembiraannya melihat ramai belia mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Prelatus itu menyeru agar semua orang muda harus mencari Yesus dalam hidup masing-masing dan tidak segan menyahut seruan Tuhan untuk

menjadi paderi atau religius.

Misa pada hari kedua dipimpin oleh Fr Sylvester Ngau, yang dalam homilinya menyeru agar para belia menjadi cahaya kepada rakan-rakan yang masih belum mengenal Yesus.

Selepas Misa tamat, para belia beralih ke dewan untuk acara Malam Kebudayaan. Wakil dari setiap paroki mempersembahkan tarian dan lagu kebudayaan yang menarik.

Matlamatnya bukan sahaja untuk mewujudkan rasa kekitaan, tetapi juga membawa orang muda meraikan kekayaan dalam kemajmukan dan mengajak belia semakin mencintai Yesus Kristus.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan dalam program selama tiga hari ini adalah Misa Kudus, Sukaneka, Katekesis, Jalan Salib, Pesta Puji dan Sembah serta Adorasi kepada Sakramen Maha Kudus.

Hari Belia Miri menawarkan golongan muda peluang untuk memperdalam hubungan mereka dengan Kristus dan satu sama lain.

Misa penutup menyaksikan upacara penyerahan salib Hari Belia Katolik Malaysia kepada paroki seterusnya yang akan mengadakan Hari Belia iaitu Gereja St Dominic dan Holy Rosary, Taman Tunku, Miri. **Antonia Laleng Mering**



Sto Tarsisius, martir Ekaristi

Ekaristi dan mempertahankan imannya sehingga mati martir.

Sto Tarsisius yang hidup sekitar abad ketiga di Roma, sangat taat melayani di Gereja pada zaman penganiayaan Kristian di Roma.

Akibat kezaliman pemerintah

Roma, Kaisar Decius, pengikut Kristian tidak dapat mempraktikkan agama secara bebas dan mereka sering merayakan Ekaristi di tempat-tempat tersembunyi seperti di kata-kombe.

Pada suatu hari, Tarsisius diberi

tugas untuk membawa komuni suci kepada umat Kristian yang dipenjarakan.

Namun, dalam perjalanan, Tarsisius didekati oleh sekumpulan pemuda bukan Kristian dan cuba merebut Komuni kudus yang dibawanya.

Tarsisius menolak, melindungi komuni suci itu dan tidak mahu menyerahkannya kepada orang-orang tersebut. Akibatnya, dia dipukul dan disekska sehingga mati.

Tarsisius mati martir kerana memilih untuk mempertahankan kesucian Ekaristi daripada dicemari orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Para pelayan altar bertambah semangat selepas mendengar kisah Sto Tarsisius.

Rekoleksi ini diakhiri dengan pengutusan para pelayan altar oleh paderi paroki Lahad Datu, Fr Stanley William Matakim.

Dengan petikan 1 Petrus 4:10, "Layanilah seorang akan yang lain, sesuai dengan karunia yang telah diperoleh masing-masing sebagai pengurus yang baik dari kasih karunia Tuhan", para pelayan altar menyedari bahawa mereka dipanggil untuk menggunakan bakat mereka untuk melayani Gereja dan sesama. **Jonathan Yapp & Lennon Herman**

Berita ringkas Gereja sejagat

Bapa Suci buka Pintu Suci kelima di penjara



Bapa Suci melawat penjara bahagian wanita pada Khamis Putih 2024. Gambar: Media Vatikan.

ROMA: Selepas membuka empat Pintu Suci Tahun Jubli di Vatikan, Bapa Suci Fransiskus kemudiannya membuka Pintu Suci kelima di penjara Rebibbia.

Membuka Pintu Suci di penjara merupakan julung kali diadakan dalam tradisi Jubli yang telah wujud sejak abad ke-15.

Membuka Pintu Suci di pusat tahanan adalah sebagai tanda simbolik "menjemput semua tahanan untuk melihat masa depan dengan harapan dan memperbaiki rasa keyakinan diri mereka."

Upacara tersebut berlangsung pada Disember 26, 2024 sempena perayaan Sto Stefanus.

Bapa Suci Fransiskus pernah melawat penjara itu pada tahun 2015 untuk upacara pembas-

han kaki sempena Khamis Putih. Namun pada kali ini, Sri Paus datang sebagai "Penziarah Harapan", sentimen yang terlalu rapuh di dalam penjara dan harus dipupuk dengan kasih sayang dan dedikasi, dengan bantuan kakitangan dan paderi, lebih-lebih lagi bilangan pelawat kepada banduan, terhad kepada banduan.

Sepanjang kepausannya, Bapa Suci sentiasa mengambil tahu, menekankan keperluan untuk belas kasihan dan penghormatan terhadap maruah para banduan.

Beliau juga mencabar masyarakat untuk melihat banduan bukan sebagai orang buangan tetapi sebagai individu yang mampu melakukan transformasi. **Media Vatikan**

330,000 kaum miskin dijamu hidangan Krismas

ROMA: 80,000 orang di Itali dan 250,000 yang lain di seluruh dunia, menikmati makan tengah hari sempena Krismas yang sisediakan oleh Komuniti Sant'Egidio dan polis Itali, Carabinieri.

Tahun ini, di sekitar Roma, polis menyampaikan hadiah untuk kanak-kanak dan pencuci mulut untuk hidangan.

Pada hari pertama Tahun Jubli

Harapan, Komuniti Sant'Egidio menyediakan makanan pada Hari Krismas untuk gelandangan, warga emas dan keluarga pelarian.

Jamuan makan ini bertujuan untuk menyebarkan pesan harapan kepada mereka yang menghadapi cabaran dan "kepada semua orang yang sedang bergelut dengan krisis dan peperangan."

Media Vatikan

Kardinal Bo bersara dari FABC

YANGON: Kardinal Myanmar, Charles Maung Bo dari Yangon mengeluarkan perutusan perpisahan setelah mengakhiri penggal ketiganya selama tiga tahun sebagai Presiden Persekutuan Persi para Uskup Asia (FABC).

"Perjalanan kita bersama telah menjadi salah satu pertumbuhan yang mendalam, pembelajaran dan komitmen bersama terhadap nilai-nilai Kristian yang menyatu-

kan kita."

Tepat Kardinal Bo digantikan oleh Kardinal Phillip Neri, Uskup Agung Goa e Damão, India, and Presiden Konferensi para Uskup India (CCBI). **Media Vatikan**

Keuskupan Agung Colombo tidak terima pelayan altar perempuan

COLOMBO: Kardinal Sri Lanka, Malcolm Ranjith telah mengeluarkan mandat bahawa kanak-kanak perempuan tidak dibenarkan menjadi pelayan altar di paroki yang bernang di bawah Keuskupan Agung Colombo.

Hal ini ditegaskan dalam surat pastoral yang menekankan hanya kanak-kanak lelaki dibenarkan men-

jadi pelayan altar di Keuskupan Agung Colombo bagi mempromosi panggilan imamat. Pelayan altar dikhaskan untuk lelaki kerana pelayanan ini salah satu sumber utama panggilan imamat di Sri Lanka. Oleh sebab itu, perempuan tidak dibenarkan dalam pelayanan ini kerana perempuan bukan untuk Sakramen Imamat." **Media Vatikan**



Sri Paus Fransiskus buka Pintu Suci Jubli 2025 secara rasmi

VATIKAN: Ketika Sri Paus Fransiskus membuka Pintu Suci Basilika Santo Petrus, pada petang Disember 24, 2024, beliau menyambut Tahun Jubli Harapan 2025 yang ditunggu-tunggu oleh Gereja sejagat.

Dengan liturgi pembukaan Pintu Suci pada malam Misa Krismas, seperti yang dijelaskan dalam dekri Bapa Suci, "Spes non confundit", Sri Paus merasmikan Jubli Biasa, peristiwa bersejarah yang berlaku setiap 25 tahun.

Kepentingan Pintu Suci

Jubli Biasa akan diakhiri dengan penutupan Pintu Suci yang sama pada Januari 6, 2026, pada Hari Raya Epifani Tuhan. Kepentingan Pintu Suci Pintu Suci dianggap 'Kudus' kerana ia memanggil semua orang yang masuk dan melaluinya untuk berjalan dalam kekudusan hidup.

Mengikut jejak Sri Paus, semasa nyanyian pujian Jubli, seluruh umat Tuhan melintasi ambangnya, mendahului penziarah harapan yang tidak terkira banyaknya dari setiap negara yang akan melawat Basilika Sto Petrus dan meraikan misteri keselamatan Tahun Suci.

Asal usul tradisi membuka Pintu Suci dimulakan oleh Sri Paus Martin V yang, pada Jubli Luar Biasa 1423, membuka Pintu Suci untuk memasuki Basilika Lateran.

Manakala, pada Jubli 1450, Pintu Suci di Basilika Sto Petrus pertama kali digunakan.

Jubli untuk menguatkan iman dan mengenali Kristus di tengah-tengah kita

Sri Paus Fransiskus berdoa agar sepanjang Tahun Suci, umat Kristian diterangi cahaya sebagai mesej kasih Tuhan yang ditujukan kepada semua!

"Semoga Gereja memberikan kesaksian yang setia kepada mesej ini di setiap bahagian dunia!" kata Sri Paus Fransiskus. Bapa Suci menjemput semua umat beriman untuk berdoa, supaya Jubli ini boleh "menguatkan iman kita, membantu kita mengenali Kristus yang Bangkit di tengah-tengah kehidupan kita, mengubah kita menjadi penziarah harapan Kristian."

Memulihkan kita untuk kembali dalam pelukan Bapa Syurgawi

Sri Paus mengambil tema Jubli harapan dalam

homilinya. Prelatus itu memetik petikan Injil Sto Lukas yang menceritakan ketika malaikat Tuhan, bermandikan dalam terang, menerangi malam dan membawa khabar gembira kepada para gembala: "Sesungguhnya aku memberitakan kepadamu kesukaan besar untuk seluruh bangsa. Hari ini telah lahir bagimu Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan di kota Daud (Luk 2:10-11).

Bapa Suci menjelaskan, pada masa itu, Syurga terbentang di bumi dengan ajaib, untuk dilihat oleh orang-orang miskin iaitu para Gembala.

"Tuhan telah menjadi salah seorang daripada kita; Dia telah turun kepada kita untuk mengangkat kita dan memulihkan kita untuk kembali ke dalam pelukan Bapa. Anak Kecil Suci itu menawarkan harapan untuk dunia melalui Immanuel —Tuhan bersama kita."

"Kemuliaan dan keagungan-Nya tidak terhingga namun Dia menjadikan diri-Nya kecil sehingga kemuliaan syurga menampakkan diri di bumi sebagai seorang anak kecil. Jika Tuhan boleh melawat kita, walaupun hati kita seperti palungan yang hina, kita boleh benar-benar berkata: Harapan tidak mati; harapan hidup dan ia merangkumi kehidupan kita selama-lamanya!"

Bapa Suci mengingatkan bahawa dengan pembukaan Pintu Suci, umat beriman dapat beramai-ramai, memasuki Pintu Suci untuk menemui semula belas kasihan Bapa yang tidak terhingga, Bapa yang secara peribadi, menyambut semua orang!

Sri Paus Fransiskus juga berkata, "Melalui Pintu Suci Tahun Jubli, Tuhan berbicara kepada setiap kita bahawa 'Harapan sentiasa ada untuk kamu!'".

Sri Paus memetik kata-kata nasihat salah Doktor Gereja yang terkenal iaitu Sto Augustine yang menyatakan bahawa harapan memanggil kita putus asa mencari perkara yang salah dan mencari keberanian untuk mengubahnya."

Dengan nasihat Sto Augustine ini, sebagai murid Tuhan, "kita dipanggil untuk kembali berharap kepada-Nya dan kemudian, tanpa berlengah-lengah, menjadikan harapan itu sebagai terang di tengah-tengah kegelapan iman di dunia ini: Harapan tidak mengecewakan, kerana kasih Tuhan telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang telah dikanuni kepada kita." (Roma 5:1-2.5)

Media Vatikan

Yesus, Harapan kita

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus memfokuskan siri katechesis baharu yang bertema, "Yesus Kristus, Harapan kita" semasa Audiensi Umum bagi menjelaskan matlamat ziarah kita adalah menuju kepada Yesus, yang adalah Jalan, Kebenaran dan Jalan yang harus diikuti."

Siri katechesis itu akan dibagikan kepada bahagian yang berbeza, bermula zaman kanak-kanak Yesus seperti yang diceritakan dalam Injil Matius dan Lukas.

Sri Paus menjelaskan, kedua-dua Injil itu "mengingatkan nubuat mesianik" yang diperlukan dengan kelahiran Yesus dan keturunannya di seluruh Perjanjian Lama.

Walaupun kedua-dua penginjil mempersebahkan masa bayi dan kanak-kanak Yesus, terdapat satu perbezaan yang unik.

"Lukas menceritakan peristiwa itu dari perspektif Maria manakala Matius berbuat demikian dari perspektif Yosef sekali gus menekankan keibubapaan yang begitu unik."

Injil Matius bermula dengan menelusuri silsilah Yesus dari Abraham hingga Yosef dan Maria. Ia menjadi senarai nama yang menunjukkan kebenaran sejarah dan kebenaran kehidupan manusia.

"Kemuncak keturunan Yesus adalah kelahirannya, berkembang dan berakhir dalam Maria dan Kristus. Menyenaraikan semua nama menunjukkan "kebenaran kehidupan manusia yang berpindah dari satu generasi ke generasi berikutnya." Setiap nama menandakan bab baharu. Setiap nama "merangkumi identiti dan misi yang unik; keahlilan dalam keluarga dan komuniti, akhirnya, iman keputuhan



Sri Paus berjabat tangan dengan kanak-kanak di Dewan Paulus VI di Vatikan, baru-baru ini. Kredit Gambar: Media Vatikan.

kepada Tuhan Israel."

Di antara pelbagai genre kesusasteraan yang terdapat dalam Injil, silsilah itu menyampaikan mesej penting: "Tidak seorang pun memberikan kehidupan kepada dirinya sendiri, melainkan menerimanya sebagai hadiah daripada orang lain."

Silsilah keluarga Yesus mengikuti orang dan keluarga yang membentuk umat pilihan Tuhan dan mewariskan iman bapa mereka kepada generasi seterusnya.

Namun, silsilah dalam Perjanjian Baru mempunyai perbezaan yang ketara berbanding yang terdapat dalam Perjanjian Lama. Terdapat nama lima wanita yang disenaraikan: Tamar, Rahab, Rut, Batsyeba, dan Maria dari Nazaret.

Sri Paus Fransiskus menjelaskan empat nama yang pertama disatukan "bukan kerana mereka adalah orang berdosa... tetapi kerana

mereka adalah orang asing kepada rakyat Israel."

Hal ini dijelaskan oleh Sri Paus Benediktus XVI yang menekankan bahawa Yesus datang ke dunia melalui orang bukan Yahudi kerana misi-Nya bukan sahaja kepada orang Yahudi tetapi juga untuk orang bukan Yahudi.

Wanita terakhir yang disebut dalam silsilah ialah Maria, ibu Yesus. Tidak seperti empat wanita yang sebelumnya, Maria tidak disenaraikan "bersama lelaki yang dilahirkan daripada mereka atau orang yang menjadi bapa mereka."

Bapa Suci menjelaskan bahawa ini menunjukkan bahawa "Maria menandakan permulaan baharu kerana kisahnya menggambarkan bahawa bukan makhluk manusia yang mengatur sesama manusia, tetapi melalui ibu Gereja, dia telah menjana kita kepada kehidupan kekal." Media Vatikan

Doakan Mazmur ini selepas komuni!



Gereja mempunyai khazanah besar doa yang boleh didoakan selepas Komuni Suci, termasuk doa yang ditulis oleh orang kudus atau dari petikan Alkitab. Satu petikan daripada Kitab Suci yang telah disyorkan ialah Mazmur 116. Fr. Pius Parsch menjelaskan dalam bukunya, *The Breviary Explained*, bahawa "Mazmur 115[116] ialah doa kesyukuran yang indah, yang sering kita gunakan sebagai doa selepas Komuni.

Kebanyakan doa hebat dan agung terdapat dalam Kitab Mazmur kerana setiap baitnya ditulis dari hati, menyatakan kesedihan emosi penulisnya. Mazmur khusus ini adalah salah satu yang mengiktiraf kebaikan Tuhan yang mulia dan bagaimana Dia telah menyelamatkan kita daripada bahaya.

Aku kasih akan Tuhan, kerana Dia telah mendengar suaraku; dan permohonanku.

Kerana Dia telah menundukkan

telinga-Nya ke arahku,
maka aku akan menyeru-Nya
seumur hidupku.

Azab maut telah mengelilingku,
dan seksa kubur telah mencengkamku;
aku menanggung kesusahan
dan kedukaan.

Lalu aku menyeru nama Tuhan:
"Ya Tuhan, aku merayu kepada-Mu,
selamatkanlah jiwaku!"
Tuhan penuh kasih kurnia
serta benar;
ya, Tuhan kita penuh belas kasih.
Tuhan memelihara orang yang tulus;
ketika aku ditindas,
Dia menyelamatkan aku.

Bertenanglah kembali, wahai jiwaku,
kerana Tuhan baik kepadamu.
Engku telah melepaskan jiwaku
daripada maut,
mataku daripada air mata, dan kakiku

daripada tergelincir,
aku akan melangkah
di hadapan Tuhan
di alam orang yang hidup.
Aku percaya; maka aku berkata,
"Aku ditimpak keazaban teruk."

Dalam kedukaanku, aku berkata,
"Semua manusia pendusta."
Apakah yang akan kupersembahkan
kepada Tuhan
untuk segala kebaikan-Nya
kepadaku?

Aku akan mengangkat
cawan penyelamat
dan menyeru nama Tuhan.

Aku akan menunaikan janjiku
kepada Tuhan
di hadapan seluruh umat-Nya.

Sungguh tinggi nilainya di mata
Tuhan kematian orang warak-Nya.

Ya Tuhan, sesungguhnya aku
hamba-Mu;
aku hamba-Mu seperti ibuku dahulu;
Engku telah membukakan ikatanku.

Aku akan mempersembahkan kepada
Mu korban kesyukuran
dan akan menyeru nama Tuhan.

Aku akan menunaikan janjiku
kepada Tuhan
di hadapan seluruh umat-Nya,
di balai-balai rumah Tuhan —
di tengah-tengahmu,
wahai Yerusalem.

Pujilah Tuhan! (Mazmur 116, AVB)

Aleteia

Ampunilah kami

Ampunilah kesalahan kami ya Tuhan,
sebagaimana kami mengampuni orang yang
bersalah kepada kami.

Dalam lingkaran pengampunan ini,
berikanlah kami kedamaian-Mu, kedamaian yang
Engku dapat berikan kepada mereka
yang membenarkan hati mereka untuk
berubah, kepada mereka yang memiliki
dengan harapan
untuk mengampuni hutang
saudara-saudari mereka,
kepada mereka yang tidak takut untuk mengaku
hutang mereka terhadap-Mu dan kepada mereka
yang tidak menutup telinga mereka
terhadap jeritan orang miskin. Amin.

Doa di atas merupakan doa Sri Paus Fransiskus untuk Hari Keamanan Sedunia. Doa ini ditujukan kepada semua Ketua Kerajaan dan Negara, kepada para pemimpin Organisasi Antarabangsa, kepada para pemimpin pelbagai agama, dan kepada setiap orang yang berkehendak baik.

Lima hari selepas Tahun Baharu 2025, tidak terlambat bagi kita untuk merenung semula Pesan Keamanan ke-58, Sri Paus Fransiskus yang ber tema, "Ampunilah Kesalahan Kami".

Dalam Pesan Keamanannya untuk tahun ini, Sri Paus Fransiskus menjelaskan bahawa "Jubli" mengingatkan kita pada praktik Yahudi kuno, di mana setiap tahun keempat puluh sembilan, suara trompet domba jantan (dalam bahasa Ibrani, *jobel*) akan mengumumkan tahun pengampunan dan kebebasan bagi seluruh masyarakat (lih. Im 25:10). Saya ulangi, tahun PENGAMPUNAN dan KEBEBASAN.

Tiupan trompet tersebut mengingatkan seluruh umat, sama ada yang kaya mahupun miskin, bahawa tidak seorang pun datang ke dunia ini untuk ditindas: kita semua adalah saudara, putera dan puteri daripada Bapa yang sama, yang dilahirkan untuk hidup dalam kebebasan, sesuai dengan kehendak Tuhan (lih. Im 25:17, 25, 43, 46, 55).

Pada awal tahun ini, seiring dengan Pesan Keamanan ke-58 Sri Paus Fransiskus dan dengan rahmat Tahun Suci 2025, semoga kita dapat memperhatikan permohonan umat manusia yang menderita, berjuang memutus ikatan ketidakadilan dan untuk mewartakan keadilan Tuhan.

Sebelum Tahun 2025, pada bulan-bulan terakhir tahun 2024, Keuskupan/Agung di Malaysia telah mengumumkan beberapa destinasi ziarah bagi meraikan Tahun Jubli yang bertema Penziarah Harapan.

Maka inilah peluang kita, sebagai Penziarah Harapan untuk melakukan sejumlah perubahan. Sertailah program ziarah yang dianjurkan oleh Keuskupan kita atau mana-mana Keuskupan dalam negara kita.

Marilah kita menyahut seruan Bapa Suci Fransiskus, yang mengharapkan kita menjadi Penziarah Harapan agi dunia yang gelap sambil merayakan misteri keselamatan dalam terang kasih Tuhan.

Juga, seperti cadangan Bapa Suci Fransiskus, sangat baik jika kita berhenti sejenak, pada awal tahun ini, untuk memikirkan semula berkat dan sukacita yang sentiasa diberikan oleh-Nya lebih-lebih lagi Dia sentiasa membantu dan mengampuni dosa-dosa kita.

**MARI dan jadilah
komuniti pemberita HERALD.**
**Kami amat mengalu-alukan sumbangan
artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam
400-500 patah perkataan, gambar high-
resolution (300 DPI) dalam format JPG
atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada
liza@herald.com.my
atau
WhatsApp: 011-26391498**



Untuk Hak Mendapat Pendidikan

Marilah kita berdoa untuk para pendatang, pelarian dan mereka yang terjejas oleh perperangan, agar hak mereka untuk mendapat pendidikan, yang adalah perlu untuk membina dunia yang lebih baik, akan sentiasa dihormati.

Januari 5, 2025

KUCHING: Perayaan Krismas bukan sekadar perayaan tahunan tetapi hari yang penuh makna bagi pengikut Kristian untuk memperingati kelahiran Sang Juruselamat, Yesus Kristus.

Dengan tema, ‘Kasih Yang Mengubah Hidup’, Persatuan Gereja-gereja di Sarawak (ACS) mengajurkan upacara doa ekumenikal pada Disember 19, 2024 di Pusat Ibadat Ekumenikal Kristian di Jalan Stampin, Kuching yang bertujuan menyerlahkan peranan kasih Tuhan yang membawa transformasi dalam kehidupan manusia.

Menurut kenyataan daripada Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Uskup Anglikan Sarawak dan Brunei, Rev Datuk Danald Jute berkata, Krismas adalah simbol kasih Tuhan kepada dunia yang melangkaui sempadan bangsa dan agama.

“Tuhan menyayangi manusia dan dunia maka Krismas tidak akan wujud tanpa Tuhan.”

Beliau menekankan bahawa Krismas membawa mesej kasih, harapan dan perpaduan, bukan sahaja untuk komuniti Kristian tetapi juga untuk seluruh masyarakat.

Acara ekumenikal ini telah menghimpunkan lebih daripada



Para pemimpin pelbagai denominasi Kristian dalam acara doa Krismas ekumenikal pada Disember 19, 2024. Kredit Gambar: UKAS.

2,000 peserta dan turut mengundang pemimpin agama lain

termasuk daripada agama Buddha, Hindu, Sikh dan Bahai sebagai simbol keharmonian antara agama di Sarawak.

Turut hadir dalam acara ini ialah Uskup Agung Katolik, Simon Poh, Ahli Parlimen Batu Kitang Dato Dr Lo Khene Chiang dan ramai pemimpin agama dari denominasi

Kristian.

Antara acara pada malam doa bersama itu ialah bacaan kitab suci Injil dalam pelbagai bahasa, persembahan muzik dan koir serta renungan yang disampaikan oleh Presiden Gereja Methodist SCAC Rev Dr Lau Hui Ming.

Setiausaha Agung ACS, Ambrose Linang menyeru semua pengikut Kristian untuk turut serta bagi

melambangkan perpaduan dalam Tuhan dan memperkuuh semangat harmoni di Sarawak.

“Ini adalah masa untuk kita merayakan kasih Tuhan sambil memperteguh semangat perpaduan dan toleransi yang menjadi kekuatan masyarakat Sarawak,” katanya.

Sarawak kekal sebagai contoh model keharmonian kaum dan agama di Malaysia apabila pelbagai

perayaan seperti Krismas, Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri, Gawai Dayak dan Deepavali diraikan dengan semangat muhibah oleh semua lapisan masyarakat.

Perayaan Krismas seperti yang ditegaskan Danald adalah lebih daripada sekadar tradisi, sebaliknya ia adalah peringatan kasih Tuhan yang merangkumi seluruh umat manusia. Akbar tempatan

Gereja Katolik Tawau anjur Upacara Hiasan dan Pencahayaan Krismas

TAWAU: Gereja Katolik Holy Trinity telah menjadi tuan rumah acara tahunan Hiasan dan Pencahayaan Krismas Antara Gereja, pada Disember 2, 2024.

Pengerusi Jawatankuasa Gereja-gereja Tawau, Rev Hendrik Linggiallo yang diwakili oleh Fr David Garaman berkata, acara itu meraikan “semangat perpaduan, persaudaraan dan kebaikan yang menyatukan kita sebagai sebuah masyarakat tanpa mengira latar belakang mahupun kepercayaan.”

Dia berkata Krismas adalah masa apabila kita mengingati kelahiran Juruselamat kita, Yesus Kristus, yang membawa terang kepada dunia yang gelap.”

“Dan sama seperti lampu yang kita lihat di sekeliling kita menerangi langit malam, kita juga dipanggil untuk menjadi cahaya dalam komuniti kita yang memancarkan sinar kasih sayang, kebaikan dan belas kasihan kepada orang-orang di sekeliling kita,” tambahnya.

Hiasan dan lampu yang dilihat oleh semua orang malam ini bukan hanya untuk kecantikan; ia mewakili kehangatan dan kegembiraan musim ini, dan merupakan peringatan bahawa walaupun dalam masa yang sukar, masih ada harapan, dan cahaya Kristus akan sentiasa mengatasi kegelapan, katanya Fr David.

Acara malam ini merupakan bukti kerjasama dan persahabatan antara Gereja, masyarakat tempatan dan pihak berkuasa tempatan



yang telah bersama-sama untuk menjayakan acara ini,” katanya.

“Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tuan rumah iaitu Gereja Katolik Holy Trinity dan ahli jawatankuasa yang bekerja keras untuk mencipta hiasan, sekali gus menjadikan acara malam ini menjadi kenyataan.

“Usaha anda telah menjadikan acara ini menjadi kenyataan, dan untuk itu, kami amat bersyukur. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa organisasi utama yang sokongannya tidak ternilai dalam menjayakan majlis malam ini.

“Kepada Majlis Perbandaran Tawau: Terima kasih kerana memberi kebenaran kepada Jawatankuasa Gereja Tawau untuk menghias bulatan dan mencipta paparan cahaya ini.

“Kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Fr David mewakili masyarakat Kristian pelbagai de-

nominasi mengucapkan terima kasih kepada JKR kerana memberi kebenaran menggunakan jalan raya untuk dihiasi dan membantu menjaga hiasan di jalan-jalan tidak diganggu.

Paderi itu juga mengucapkan terima kasih kepada polis daerah Tawau yang telah memastikan keselamatan sepanjang majlis berlangsung. “Kehadiran dan perhatian pihak polis terhadap keselamatan adalah satu rahmat dan kami berterima kasih atas komitmen anda untuk memastikan komuniti kami selamat sepanjang musim perayaan ini.”

Dan akhirnya, Fr David mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir, dan mengucapkan “Selamat Hari Krismas” kepada semua orang!

“Semoga terang Kristus bersinar terang dalam hati kita dan dalam komuniti kita, sekarang dan selama-lamanya. Tuhan memberkati anda semua,” ucapnya kepada para hadirin.



Kasih melalui tindakan

KENINGAU: “Sebagai pengikut yang telah mengalami kasih Kristus, kita pengikut dari pelbagai denominasi Kristian, harus mengungkapkan kasih kita kepada Kristus melalui kesatuan doa dan sama-sama bersaksi akan sukacita kasih Yesus Kristus itu,” kata Msgr Gilbert Lasius ketika menyampaikan renungan sempena perayaan Krismas Majlis Gereja-gereja Keningau (MGGK) 2024.

Gereja Katolik merupakan pengajar acara Krismas MGGK yang diadakan pada Disember 6, 2024 di Dewan Masyarakat Keningau.

Ruang Dewan Masyarakat Keningau dibanjiri dengan lautan umat pelbagai denominasi Kristian, yang datang sejak pukul 6.00 petang.

Majlis dimulakan dengan perarakan masuk pemimpin-pemimpin Gereja ke ruangan dewan sambil diperkenalkan kepada umat.

Selepas itu, Msgr Gilbert Lasius memimpin doa pembukaan diikuti lagu-lagu pujian dan penyembahan oleh gabungan belia MGGK.

Dalam renungannya, Msgr Gilbert Lasius mengingatkan para hadirin mengapa kita merayakan

Krismas? Jelasnya, “Krismas adalah sambutan apabila kita merayakan kelahiran Yesus ke dunia. Lahirnya Yesus menandakan Firman telah menjadi Manusia dan kedatangan-Nya adalah untuk mendamaikan manusia dengan Tuhan agar manusia dapat beroleh keselamatan. Inilah tanda agung bahawa Tuhan sangat mengasihi umat manusia.”

Vikaris Keuskupan Keningau itu juga mengulas mengenai tema Perayaan Krismas MGGK 2024 yang dipetik dari 1 Korintus 13:1-9, “Kasih melalui Tindakan”.

Msgr Gilbert menyeru, “Kita perlu sehati sejiwa untuk berdoa dan bersaksi bahawa dalam kasih Yesus Kristus, kita akan menjaga keamanan dan keharmonian daerah, negeri dan negara kita,” yang disahut dengan tepukan gemuruh daripada hadirin yang hadir.

Pelbagai persembahan diadakan lagi selepas renungan. *Carol by Candlelight* oleh Kerasulan Belia Katedral St Francis Xavier, Keningau menutup persembahan malam tersebut, diikuti dengan doa penutup, yang dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius. **Juanis Markus**